

# Banjir tidak banyak perubahan

AZRAN FITRI RAHIM | 06 Januari 2017 11:42 AM

0 1 Google +0



Penduduk tempatan, Alias Yaacob, 54, memimpin kakak iparnya, Wan Som Wan Yusuff, 55, meredah air banjir di Kampung Kubang Rambutan untuk berpindah ke pusat pemindahan berhampiran. - UTUSAN ONLINE

KOTA BHARU 6 Jan. - Keadaan banjir di negeri ini masih tidak menunjukkan perubahan apabila sebanyak 13,300 mangsa masih di tempatkan di 33 buah pusat pemindahan banjir di jajahan Pasir Mas, Tumpat dan Pasir Puteh.

Menurut portal ebanjir Kelantan, jajahan Pasir Mas mencatatkan jumlah mangsa yang tertinggi iaitu 9,568 mangsa diikuti Tumpat, 3,359 orang dan Pasir Puteh, 173 orang.

Keadaan dijangka akan beransur pulih memandangkan kesemua sungai utama berada di bawah paras berjaga dan menunjukkan trend menurun kecuali Sungai Golok di Rantau Panjang yang masih melepasi paras bahaya. - UTUSAN ONLINE

- See more at: <http://www.utusan.com.my/berita/terkini/banjir-tidak-banyak-perubahan-1.428685#sthash.NnacoMgO.dpuf>